

KENYATAAN AKHBAR

PENGGUNA DINASIHATKAN UNTUK MENGELOAKKAN DARI MENGGUNA PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN MENGANDUNG RACUN BERJADUAL

Orang awam dinasihatkan untuk mengelakkan daripada membeli dan menggunakan produk kosmetik berikut:

Bil.	Nama Produk	Nombor Notifikasi	Racun Berjadual Yang Dikesan	Nama Pemegang	Nama Pengilang	Status Notifikasi
1.	La Bliss Skin Brightening Cream	NOT100764560K	Tretinoin	Bliss Skin Care Marketing	Cylin Cosmetic Sdn Bhd	Tamat tempoh notifikasi pada 05 Februari 2012
2.	Sans Dynamic Intensive Light Cream	NOT100769625K	Merkuri	Noble Aspect Sdn Bhd	Noble Aspect Sdn Bhd	Tamat tempoh notifikasi pada 05 April 2012
3.	Putih Gebu Sun-Block Collagen Lotion	NOT100771321K	Merkuri	Ramaju Sdn Bhd	Ramaju Sdn Bhd	Tamat tempoh notifikasi pada 28 April 2012
4.	MS Wellwood Enhancing Cream	NOT100777776K	Tretinoin	Noble Aspect Sdn Bhd	Noble Aspect Sdn Bhd	Tamat tempoh notifikasi pada 23 Jun 2012
5.	Renewing Cream	NOT100761728K	Tretinoin	Noble Aspect Sdn Bhd	Noble Aspect Sdn Bhd	Tamat tempoh notifikasi pada 14 Januari 2012
6.	Bio-Clear Intensive Renewal Complex	NOT120503338K	Tretinoin	Noble Aspect Sdn Bhd	Noble Aspect Sdn Bhd	Batal pada 08 Oktober 2012
7.	E Beaute Total Revitalizer Night Cream	NOT100777765K	Merkuri	Noble Aspect Sdn Bhd	Noble Aspect Sdn Bhd	Tamat tempoh notifikasi pada 17 Jun 2012
8.	MS Wellwood Lightening Complex	NOT100777789K	Merkuri	Noble Aspect Sdn Bhd	Noble Aspect Sdn Bhd	Tamat tempoh notifikasi pada 17 Jun 2012

Produk-produk di atas telah diuji dan dikesan mengandungi racun berjadual tretinoin dan merkuri. Tujuh (7) daripada lapan (8) produk tersebut di atas pernah dinotifikasikan kepada Kementerian kesihatan Malaysia (KKM) tetapi tempoh sah notifikasinya telah tamat seperti tertera pada senarai di atas. Notifikasi produk Bio Clear Intensive Renewal Complex telah dibatalkan oleh KKM pada 8 Oktober 2012. Sehubungan itu, produk-produk tersebut tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

Tretinooin dan logam merkuri adalah tidak dibenarkan dalam produk kosmetik. Produk yang mengandungi tretinooin hanya boleh digunakan atas nasihat profesional kesihatan. Penggunaan tretinooin tanpa pengawasan boleh menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan kulit, mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari.

Logam merkuri adalah tidak dibenarkan dalam produk kosmetik kerana ia hanya boleh membawa kesan mudarat kepada pengguna. Logam merkuri boleh diserap melalui kulit apabila disapu secara luaran dan cenderung untuk berkumpul di dalam badan. Pendedahan terhadap merkuri secara berterusan boleh menyebabkan kerosakan pada otak, sistem saraf dan buah pinggang. Penggunaan produk yang mengandungi merkuri juga boleh menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.

Pihak syarikat yang bertanggungjawab ke atas notifikasi produk berkenaan telah diarahkan untuk memberhentikan penjualan/pembekalan dengan serta-merta dan memanggil balik kesemua stok fizikal produk tersebut daripada pasaran dalam tempoh 72 jam.

Sesiapa yang mempunyai stok produk di atas dinasihatkan menghentikan penjualan/pengedaran/penggunaan produk tersebut dengan serta-merta. Penjual adalah diingatkan **pemilik** produk-produk ini melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya.

Pengguna adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPK) di talian 03-78835532/5534 jika mengalami sebarang kesan sampingan atau kesan buruk akibat daripada penggunaan produk – produk kosmetik.

DATO' EISAH BINTI A. RAHMAN
Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia